

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : The Rakyat Post Online

TARIKH : Rabu, 1 Julai 2015

# The Rakyat Post™

PUBLISHED: Jun 30, 2015 05:56pm

UPDATED: Jun 30, 2015 05:56pm

## ASEAN Corner: Wujud perkongsian bahan perpustakaan serantau



Dr Ong Hong Peng (tiga, kanan) ketika merasmikan Pusat Maklumat ASEAN sebagai perkongsian ilmu dalam kalangan negara anggota.

**KUALA LUMPUR, 30 Jun 2015 :**

Perkongsian bahan bacaan dan akses buku di 20 juta perpustakaan di rantau ASEAN, bakal menjadi kenyataan apabila usaha ke arah itu mula menampakkan hasilnya.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Tan Sri Dr Ong Hong Peng, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN amat berbesar hati untuk menyokong penubuhan Pusat Maklumat ASEAN dengan mengumpulkan koleksi dan bahan bacaan dari semua negara anggota.

“Salah satu usaha dalam perkongsian sumber ilmu dan akses maklumat di kalangan perpustakaan negara setiap anggota ASEAN adalah dengan menubuhkan ASEAN Digital Library Project.

“Di mana semua perpustakaan rantau ASEAN boleh berkongsi metadata koleksi perpustakaan yang bertepatan dengan inisiatif transformasi Perpustakaan Negara Malaysia iaitu mewujudkan perkongsian bahan dalam dan luar negara” katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Pameran ASEAN 2015 hari ini.

Pameran ASEAN pada tahun ini bertemakan ‘Warga kita, komuniti kita, visi kita’ diadakan dengan skala lebih besar seiring dengan sambutan Hari ASEAN yang bertujuan untuk menunjukkan semangat perpaduan dan semangat satu komuniti yang wujud di kalangan negara anggota ASEAN.

Bagi Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Nafisah Ahmad, pihaknya sentiasa memastikan perkhidmatan, nilai dan bahan perpustakaan sentiasa ditambah baik bagi melonjak penyampaian maklumat yang inovatif, responsif, cepat dan mudah kepada rakyat Malaysia.

“Setiap negara anggota ASEAN melalui inisiatif perpustakaan negara masing-masing, mempunyai ASEAN Corner dan di Malaysia sendiri terdapat lebih 5,000 koleksi buku dan akan ditambah dari semasa ke semasa,

“Perpustakaan Negara Malaysia mengambil langkah untuk menyampaikan maklumat-maklumat negara ASEAN kepada rakyat Malaysia melalui pelbagai aktiviti,” katanya.